

Semangat 'Malaysia Boleh' terbukti berjaya

UM - 15/5/2006



DR. MAHATHIR MOHAMAD

KOTA KINABALU 14 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau menanamkan semangat 'Malaysia Boleh' untuk memberi keyakinan kepada rakyat yang suatu ketika dahulu kurang percaya terhadap kemampuan diri sendiri di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, usaha itu tidak sia-sia apabila negara melahirkan individu yang telah mengharumkan nama negara dengan belayar mengelilingi dunia, berenang menyeberangi Selat Inggeris dan mendaki puncak Gunung Everest.

"Ini membuktikan rakyat negara ini boleh melakukan sesuatu yang luar biasa jika tekun dan bersungguh-sungguh sebagaimana rakyat negara maju lain," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapanama Kolokium Mengantarabangsakan Rumpun Melayu anjuran Biro Hubungan Antarabangsa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Pergerakan Pemuda UMNO di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, malam tadi.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin dan

Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa dan NGO, Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, usaha menanamkan semangat yakin 'Malaysia Boleh' mempunyai kaitan untuk beliau memajukan diri rakyat negara ini sebelum matlamat membangunkan negara ke peringkat lebih tinggi dapat dicapai.

Katanya, setelah itu, barulah usaha memperkenalkan Malaysia ke persada dunia dilakukan dan ia menjadi mudah apabila rakyat mempunyai keyakinan tinggi untuk bersama-sama kerajaan melakukannya.

"Ketika itu, barulah kita mula membina litar formula satu di Sepang, menara berkembar Petronas, Putrajaya untuk memperkenalkan Malaysia ke dunia.

"Bermula daripada orang tidak mengetahui Malaysia, kini dengan adanya mercu tanda ini, negara semakin dikenali dan dihormati," jelasnya.

Menurut Dr. Mahathir, kejayaan negara membina mercu tanda itu akhirnya telah menyebabkan banyak negara asing mulai memper-

cayai kemampuan dan kebolehan rakyat negara ini.

Katanya, ekoran itu, banyak negara luar seperti Arab Saudi dan Timur Tengah menawarkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang perniagaan dengan syarikat-syarikat dari Malaysia.

"Kini rakyat negara ini yang sebahagian besarnya adalah rumpun Melayu membuktikan kita juga mampu bersaing di peringkat global dan antarabangsa," ujar beliau.